

BAHAGIAN 1 : ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut harga ini adalah tertakluk kepada Arahan-arahan dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam sebut harga ini. Pembekal adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya arahan dan syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan menghantar jadual-jadual atau dokumen yang diperlukan seperti yang dinyatakan akan mengakibatkan tawaran sebut harga tidak dipertimbangkan dan **DITOLAK**.
- 1.2 Pembekal hendaklah memastikan maklumat-maklumat sebut harga yang dikemukakan adalah mencukupi dan jelas bagi membolehkan penilaian dapat dijalankan dengan sempurna.

2. PENYERTAAAN SEBUT HARGA

- 2.1 Kelayakan Menyertai Sebut harga.

Semua Pembekal yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang telah ditetapkan pada Kenyataan Tawaran Pembekal dan pendaftaran masih lagi berkuatkuasa sekurang-kurangnya sehingga tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran sebut harga ini.

- 2.2 Pembekal hendaklah mempunyai kad pintar/token ePerolehan untuk mengakses sistem ePerolehan dan memastikan *Soft Certificate* adalah aktif bagi tujuan memasukkan butiran Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan. Pendaftaran *enable* ePerolehan adalah di bawah tanggungjawab pembekal.
- 2.3 Taklimat Sebut harga dan Lawatan Tapak (WAJIB) seperti ketetapan pada Kenyataan Tawaran Pembekal (**sekiranya berkaitan**).
- 2.4 Ketidakhadiran atau kelewatian ke sesi taklimat dianggap sebagai tidak menghadiri taklimat. Sebarang rayuan mengenai ketidakhadiran atau kelewatian tidak akan dilayan. Individu yang menghadiri taklimat ini tidak dibenarkan mewakili pembekal lain (**sekiranya berkaitan**).
- 2.5 Pembekal hendaklah mematuhi SOP semasa menghadiri taklimat sebut harga bagi mengelak penularan wabak Covid-19 dengan memastikan amalan penjarakan fizikal, penggunaan hand sanitizer serta pemakaian pelitup muka. Pembekal juga diingatkan untuk mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MKN dan KKM) (**sekiranya berkaitan**).
- 2.6 Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Selaras dengan PPP PK2.1 perenggan 8.12 (viii), hanya Pegawai/Pekerja yang diluluskan oleh Syarikat untuk Pengurusan Perolehan Kerajaan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan, Perakuan

Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ boleh menghadiri lawatan tapak/premis atau sesi taklimat sebut harga. Pembekal tidak boleh mewakilkan pegawai selain dari penama dalam sijil tersebut. Pembekal dikehendaki membawa sijil pendaftaran syarikat (MOF), cop rasmi syarikat dan kad perniagaan. Kegagalan mengesahkan kehadiran akan menyebabkan Pembekal tidak layak menyertai sebut harga ini (**sekiranya berkaitan**).

- 2.7 Sebut harga ini adalah tidak tertakluk kepada obligasi perjanjian antarabangsa/FTA selaras dengan PP/PK1.3 Jadual A.
- 2.8 Semua Pembekal adalah terikat dan hendaklah mematuhi sepenuhnya arahan-arahan dan syarat-syarat sebut harga. Pembekal hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat serta menyemak kandungan Dokumen dengan teliti sebelum membuat tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana arahan dan syarat yang telah ditetapkan boleh menyebabkan tawaran sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan dan DITOLAK.
- 2.9 Pematuhan Syarat dan Spesifikasi Sebut harga.
 - a) Pembekal mestilah mematuhi semua syarat dan spesifikasi sebut harga. Tawaran sebut harga yang gagal mematuhi mana-mana daripada syarat dan spesifikasi sebut harga tidak akan dipertimbangkan dan DITOLAK.
 - b) Pembekal mestilah mengemukakan semua dokumen yang dikehendaki dan memastikan bahawa dokumen yang dihantar adalah lengkap dan diisi dengan betul. Susunan dan format dokumen/borang mestilah mengikut apa yang telah ditetapkan dalam dokumen.
 - c) Pembekal mestilah memotong dan menandatangan ringkas sebarang pembetulan/pindaan yang dibuat setentang dengan pembetulan/pindaan tersebut. Penggunaan pemadam cecair dalam apa jua cara adalah tidak dibenarkan.
- 2.10 Kos bagi penyertaan dan penyediaan dokumen adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pembekal. Pihak Berkuasa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat.
- 2.11 Pihak Berkuasa tidak pernah melantik mana-mana individu atau syarikat yang bertindak sebagai orang ketiga di dalam urusan sebut harga dan/atau perjanjian ini. Sekiranya Pembekal mempunyai sebarang permasalahan berkaitan sebut harga dan/atau perjanjian ini hendaklah dirujuk terus kepada Pihak Berkuasa.
- 2.12 Pihak Berkuasa boleh membatalkan sebut harga ini tanpa memberikan sebarang alasan kepada semua Pembekal dan kos-kos yang terlibat semasa penyediaan sebut harga ini tidak akan ditanggung oleh Pihak Berkuasa.

3. BORANG SEBUT HARGA DAN TAWARAN HARGA

- 3.1 Harga Indikatif Jabatan/Anggaran Jabatan bagi Perolehan ini adalah RM498,000.00.
- 3.2 Harga Anggaran/Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Pihak Berkuasa atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 3.3 Pihak Berkuasa tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Anggaran/Indikatif Jabatan.
- 3.4 **Pembekal dikehendaki mengunci masuk (*key in*) harga tawaran keseluruhan di dalam sistem ePerolehan tanpa cukai dan tanpa fi perkhidmatan sistem ePerolehan.**
- 3.5 Harga yang ditawarkan hendaklah harga tetap dan tidak boleh dipinda selepas tawaran ditutup dan berkuatkuasa selama tempoh sahlaku penawaran dan kontrak. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa berhak membuat perubahan pada bila-bila masa.
- 3.6 Semua tawaran harga oleh Pembekal hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan Pembekal yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan JKDM, maka Pihak Berkuasa akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Perkhidmatan.
- 3.7 Pembekal pada bila-bila masa setelah berdaftar dengan JKDM, hendaklah memaklumkan Pihak Berkuasa supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh CAAM. Kegagalan atau kelewatan Pembekal untuk memaklumkan kepada CAAM mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan Pembekal perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada CAAM.
- 3.8 Syarikat dikehendaki mengemukakan semua butir-butir kos seperti yang dikehendaki dalam dokumen ini. Sekiranya terdapat butiran yang tertinggal dalam tawaran sebut harga ini atau kenaan CJCP dimasukkan, ia mungkin boleh menyebabkan tawaran sebut harga tidak dipertimbangkan atau jika ia berjaya mendapat sebut harga ini, kontraknya boleh ditamatkan.
- 3.9 Pihak Berkuasa tidak akan melayan sebarang rayuan pertambahan harga tawaran atas apa-apa juga sebab sekalipun.
- 3.10 Pembekal hendaklah membuat tawaran di dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dengan mengambilkira semua kos yang bersangkutan dengan tawaran ini seperti pengangkutan, perkhidmatan, peralatan dan lain-lain yang berkaitan semasa mengemukakan Tawaran Kewangan. Penilaian

antara Pembekal adalah berdasarkan kepada jumlah tawaran keseluruhan.

- 3.11 Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam tempoh kontrak tidak akan dilayan.

4. TEMPOH SAH LAKU HARGA

Harga yang ditawarkan oleh Pembekal hendaklah kekal tempoh sah lakunya selama sembilan puluh (90) hari bermula dari tarikh sebut harga ditutup.

5. PERATURAN PENYERAHAN DOKUMEN

5.1 **PERINGATAN: LARANGAN UNTUK TIDAK MELETAKKAN TANDA NAMA / PENGENALAN PENYEBUT HARGA PADA DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL**

Penyebut harga dilarang untuk meletakkan sebarang tanda nama atau pengenalan Penyebut harga atau apa-apa identiti Penyebut harga pada lampiran dan lain-lain dokumen teknikal. Kegagalan Penyebut harga mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran DITOLAK dan tidak dinilai/dipertimbangkan

5.2 Spesifikasi Teknikal

- a) Pembekal hendaklah merujuk kepada keseluruhan dokumen berkaitan spesifikasi untuk mendapatkan butir-butir teknikal di dalam proses penyediaan Tawaran Teknikal.

- b) Pembekal bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan semua perkhidmatan yang terlibat memenuhi dan mematuhi spesifikasi minima yang dinyatakan dalam dokumen ini.

- c) Pembekal hendaklah menyatakan dengan jelas jenis-jenis perkhidmatan sokongan yang diperlukan termasuklah menyenaraikan wakil kontraktor yang akan terlibat dengan skop perkhidmatan tersebut (**sekiranya berkaitan**).

- 5.3 Pembekal hendaklah mengisi dengan lengkap maklumat yang diperlukan bagi setiap borang yang disediakan. Sekiranya ruang tambahan diperlukan, Pembekal boleh menggunakan lampiran tambahan yang mengandungi ruangan-ruangan yang sama dan serupa dari segi ukurannya.

- 5.4 Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat. Penggunaan sebarang pemadam cecair adalah tidak dibenarkan. Kegagalan pematuhan syarat ini boleh mengakibatkan tawaran Pembekal ditolak.

- 5.5 Saiz dokumen yang boleh dimuatnaik ke dalam sistem ePerolehan adalah tidak melebihi 20mb sahaja. Sekiranya saiz dokumen yang hendak dimuatnaik melebihi saiz yang dibenarkan oleh sistem, Pembekal adalah diwajibkan memuatnaik sebahagian dokumen berkaitan ke dalam sistem ePerolehan dan mengemukakan keseluruhan dokumen tersebut secara hardcopy dan softcopy sebanyak 2 salinan ke Unit Perolehan CAAM, Aras 3, Podium B, Presint 4, 62618 Putrajaya sebelum tarikh tutup sebut harga. Kegagalan Pembekal memuat naik dokumen berkaitan ke dalam sistem ePerolehan boleh menyebabkan penyertaan sebut harga ditolak oleh sistem ePerolehan secara automatik.
- 5.6 Setiap Pembekal hanya dibenarkan untuk membuat satu (1) Tawaran Teknikal dan satu (1) Tawaran Kewangan sahaja. Pembekal sama sekali tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (alternatif) bagi mana-mana butiran.
- 5.7 Pihak Berkuasa juga tidak akan bertanggungjawab terhadap kelewatan atau kehilangan dokumen semasa memuatnaik dokumen sokongan dan apa jua kesilapan Pembekal semasa membuat tawaran sebut harga.
- 5.8 Segala kos yang terlibat dalam membuat tawaran sebut harga adalah tanggungan Pembekal. Pihak Berkuasa tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua kos Pembekal berhubung perkara ini.
- 5.9 Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara tawaran harga pada sistem ePerolehan dan Jadual Tawaran Harga yang dimuatnaik, tawaran harga pada sistem ePerolehan akan diguna pakai.

6. PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA/ KONTRAK

- 6.1 Pembekal yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan CAAM dikehendaki membayar tuntutan penalti sekiranya didapati pihak Pembekal melanggar syarat-syarat kontrak (*Breach of Condition of Contract*).
- 6.2 Pembekal berjaya yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga/kontrak seperti di para-para di atas boleh dikenakan tindakan mahkamah. Antara tindakan pelanggaran syarat-syarat sebut harga adalah seperti berikut:
 - (a) Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga
 - i. Menarik diri
 - ii. Tidak menyerahkan Jaminan Bank/Jaminan Insurans dalam tempoh yang ditetapkan.
 - iii. Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga.
 - iv. Lewat Bekalan/Perkhidmatan
 - v. Kurang Bekalan/Perkhidmatan

- vii. Tidak Menepati Spesifikasi
- viii. Tiada Bekalan/Perkhidmatan
- ix. Tiada pembayaran kepada sub-kontraktor
- x. Tiada pembayaran kepada OEM

(b) Jenis-jenis Tindakan/Hukuman

- i. Amaran
- ii. Batal Tajuk Pendaftaran
- iii. Gantung Pendaftaran
- iv. Senarai hitam Ahli Lembaga Pengarah
- v. Senarai hitam Pembekal

7. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

- 7.1 CAAM sentiasa berhak mengubah dari semasa ke semasa syarat-syarat yang terkandung dalam sebut harga ini dan mulai dari tarikh yang dinyatakan oleh CAAM, Pembekalan barang-barang atau perkhidmatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- 7.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi perkhidmatan, pengeluaran atau tempoh pengeluaran, maka harga barang-barang yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

8. BANTAHAN KE ATAS SPESIFIKASI SEBUT HARGA

- 8.1 Pembekal boleh membuat bantahan sekiranya didapati spesifikasi butiran menjurus kepada sesuatu jenama sahaja. Bantahan perlu dibuat secara bertulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Penerangan Awam dan disalinkan kepada Perbendaharaan Malaysia.
- 8.2 Surat bantahan ini berserta bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat (4) hari berturut-turut dari tarikh iklan/taklimat/lawatan tapak yang mana terkemudian.
- 8.3 Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 8.4 Sebarang keraguan hendaklah dirujuk kepada pegawai yang berkenaan dan keputusan Pihak Berkuasa adalah muktamad.
- 8.5 Pengurusan aduan/bantahan mengenai perolehan ini dilaksanakan berdasarkan PP/PK2.1 Perenggan 11.

9. KEPUTUSAN SEBUT HARGA ADALAH MUKTAMAD

Pihak Berkuasa tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari Pembekal yang mengambil bahagian. Keputusan mengenai sebut harga ini adalah muktamad dan sebarang surat-menurut mengenai keputusan sebut harga tidak akan dilayan.

10. PERTANYAAN

- a) Pertanyaan Tawaran Sebut harga

Sebarang pertanyaan mengenai tawaran Sebut harga hendaklah disalurkan kepada urus setia sebut harga:

Emel : unit.perolehan@caam.gov.my.
No. Telefon : 03-88714137/4120/4033

- b) Pertanyaan Teknikal Sistem ePerolehan

Semua pertanyaan teknikal mengenai Sistem ePerolehan hendaklah disalurkan kepada:

Nama Syarikat : Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Alamat Syarikat : Second Floor, Bangunan Amtek
15, Jalan Tandang, 46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03-7985 7777
No. Faks : 03-7985 7800
Emel : bantuan@ePerolehan.gov.my

BAHAGIAN 2 : SYARAT-SYARAT KHAS SEBUT HARGA

1. PENERIMAAN TAWARAN SEBUT HARGA

- 1.1 Pembekal dikehendaki mengemukakan tawaran yang lengkap bagi setiap tawaran yang dinyatakan. Kegagalan Pembekal berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran sebut harga ditolak.
- 1.2 Pihak Berkuasa adalah berhak menyetuju terima tawaran sebut harga sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya.
- 1.3 Pihak Berkuasa tidak terikat untuk menerima mana-mana sebut harga dengan nilai yang terendah atau mana-mana tawaran sebut harga. Semua tawaran sebut harga yang diterima dan memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan akan dinilai dengan sewajarnya. Segala keputusan Pihak Berkuasa adalah muktamad.
- 1.4 Pihak Berkuasa juga tidak terikat untuk memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.

2. PEMBAYARAN

- 2.1 Bayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat dalam **Ringgit Malaysia (RM)**.
- 2.2 Pembekal yang berjaya dikehendaki mengemukakan bil / inbois tuntutan dan Perakuan Sempurna Perkhidmatan kepada Ketua Jabatan / Agensi / Bahagian / Cawangan / Unit berkenaan bagi tujuan pembayaran. Semua inbois yang dikemukakan bagi mana-mana tuntutan bayaran akan dijelaskan dalam masa **EMPAT BELAS (14) HARI** dari tarikh penerimaan lengkap inbois beserta dokumen sokongan pembayaran dan tertakluk kepada semakan dan persetujuan Pihak Berkuasa akan kesahihan kandungan inbois tersebut.
- 2.3 Pihak Berkuasa berhak meminda jadual pembayaran sebelum kontrak ditandatangani.

3. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 3.1 Pihak Berkuasa akan memaklumkan keputusan sebut harga kepada Pembekal yang berjaya melalui Surat Setuju Terima (SST).
- 3.2 Pembekal tidak dibenarkan untuk merujuk kepada Pihak Berkuasa untuk mendapatkan keputusan sebut harga dengan apa jua cara sekalipun. Sebelum keputusan sebut harga dibuat, maklumat adalah dianggap sulit. Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana pihak yang

- tidak diberi kuasa untuk memperoleh, menyimpan serta mengedar maklumat sulit tersebut.
- 3.3 Keputusan Pihak Berkuasa adalah muktamad. Pihak Berkuasa tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan dari Pembekal mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
 - 3.4 Skop perkhidmatan yang diperlukan bagi tujuan sebut harga ini adalah seperti mana yang dinyatakan di dalam Dokumen. Pihak Berkuasa tidak menjamin dalam apa cara sekalipun bahawa skop perkhidmatan yang disebutkan dalam pelawaan sebut harga ini akan dipesan kesemuanya tetapi Pembekal yang berjaya mesti bersedia memberikan semua pesanan yang dinyatakan ini dengan harga dan syarat-syarat yang sama.
 - 3.5 Pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan Pembida Berjaya ini wajib disertakan bersama Surat Setuju Terima.

4. BON PELAKSANAAN

- 4.1 Pembekal yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan di dalam bentuk Jaminan Bank dari mana-mana bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Nilai Bon Pelaksanaan tersebut adalah seperti berikut:
 - a) 2.5% - daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00.
 - b) 5.0% - daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
- 4.2 Pembekal yang berjaya hendaklah menggunakan format Bon Pelaksanaan (Borang Jaminan Bank) yang dilampirkan tanpa sebarang pindaan. Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
- 4.3 Bagi kontrak bermasa (*periodic contract*) yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Pembekal yang berjaya hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

- 4.4 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah Perjanjian dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya Perjanjian itu, tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna maka bon Pelaksanaan tersebut akan dirampas.
- 4.5 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat Setuju Terima (SST).
- 4.6 Kelewatan penyerahan Bon Pelaksanaan boleh menyebabkan Surat Setuju Terima dibatalkan dan seterusnya perjanjian ditamatkan. Pihak Berkuasa adalah berhak untuk berbuat demikian bagi mengelakkan kelewatan demi memastikan pelaksanaan sebut harga ini berjalan seperti yang dirancang.
- 4.7 Nilai bon adalah di bawah tanggungan pihak pembekal sepenuhnya di mana nilai bon tersebut tidak termasuk dalam sebut harga.

5. SKOP SEBUT HARGA DAN TEMPOH PELAKSANAAN

- 5.1 Pembekal yang berjaya diwajibkan melaksanakan semua perkhidmatan seperti spesifikasi dan skop perkhidmatan yang dinyatakan di Senarai Semak Teknikal sistem ePerolehan dengan memastikan bahawa semua perkhidmatan adalah memenuhi spesifikasi dan skop sebut harga.
- 5.2 Keutamaan kepada produk dan perkhidmatan yang mematuhi kriteria dan standard alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan sumber semulajadi yang berpuncak daripada aktiviti manusia. Pembekal hendaklah mematuhi statut dan peraturan Jabatan Alam Sekitar/Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang sedang berkuatkuasa (**sekiranya berkaitan**).
- 5.3 Sebarang tuntutan kenaikan harga bagi perkhidmatan, yang timbul akibat daripada perbezaan di antara pentafsiran Pihak Berkuasa dengan Pembekal mengenai spesifikasi tidak akan dilayan.
- 5.4 Pembekal dikehendaki mengemukakan dengan jelas spesifikasi yang ditawarkan.
- 5.5 Tempoh pelaksanaan bagi sebut harga ini adalah **12 bulan**. Walau bagaimanapun Pihak Berkuasa berhak untuk meminda tempoh berkenaan mengikut keperluan.

6. KERJA TIDAK SEMPURNA / DENDA

- 6.1 Jika Perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, Pihak Berkuasa boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara-perkara yang berikut:
 - 6.1.1 Menolak Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya;

- 6.1.2 Menolak Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta Kontraktor menggantikan Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa. Jika Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak digantikan dalam masa yang ditentukan, Pihak Berkuasa boleh mendapatkan Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan Kontraktor dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada Pihak Berkuasa;
 - 6.1.3 Menamatkan Perjanjian ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan Perkhidmatan;
 - 6.1.4 Mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan; atau
 - 6.1.5 Pihak Berkuasa berhak memotong apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kontraktor oleh Pihak Berkuasa, sama ada sebagai denda atau pampasan daripada mana-mana Perjanjian yang ditandatangani dengan Pihak Berkuasa daripada apa-apa yang kena dibayar oleh Pihak Berkuasa kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini. Jika wang yang kena dibayar kepada Kontraktor itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa boleh menuntut baki tuntutan itu daripada Kontraktor dan Kontraktor hendaklah membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditentukan dalam notis tuntutan. Pihak Berkuasa juga berhak menuntut jumlah baki tersebut daripada Kontraktor melalui mana-mana Perjanjian yang ditandatangani dengan agensi Pihak Berkuasa, sekiranya Kontraktor gagal membuat bayaran setelah dituntut.
- 6.2 Kontraktor adalah dikehendaki membaiki atau mengganti apa-apa kerosakan yang berlaku kepada harta benda akibat daripada kelalaian pihak pekerja Kontraktor semasa mengendalikan perkhidmatan berkenaan.

7. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

- 7.1 Syarikat adalah bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan ini dengan sempurna sepertimana yang terkandung dalam Senarai Semak Teknikal sistem ePerolehan dan tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan.
- 7.2 Memaklumkan kepada Pihak Berkuasa apa-apa perkara atau kejadian yang berlaku yang boleh menjelaskan pelaksanaan Perjanjian ini;
- 7.3 Melaksanakan Perkhidmatan tersebut dengan baik dan dengan amalan pentadbiran yang cekap demi kepentingan Pihak Berkuasa dan mematuhi perundangan yang sedia ada;

- 7.4 Mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa berhubung pelaksanaan Perjanjian ini; dan
- 7.5 Memberi segala bentuk kerjasama kepada Pihak Berkuasa atau pegawai yang diberi kuasa dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan tersebut;
- 7.6 Syarikat hendaklah bertanggungjawab dan memberi pampasan sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa terhadap apa-apa kerugian akibat dari kecuaian pekerja Syarikat dalam menjalankan tugas bagi menguruskan perkhidmatan tersebut.

8. TANGGUNGJAWAB PIHAK BERKUASA

- 8.1 Membuat bayaran atas kadar bayaran yang telah dipersetujui pada masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam Perjanjian.
- 8.2 Memberi kerjasama setakat mana yang boleh kepada pekerja-pekerja syarikat dalam masa mereka menjalankan tugas.
- 8.3 Pada masa tamatnya Perjanjian ini mengikut had-had dan syarat-syarat Perjanjian, membenarkan Syarikat mengambil mana-mana hak miliknya dari kawasan pejabat.

9. PENAMATAN PERSETUJUAN

- 9.1 Pembekal adalah diwajibkan untuk mematuhi syarat-syarat perjanjian sebut harga ini. Ketidakpatuhan kepada syarat-syarat sebut harga boleh mengakibatkan pihak CAAM untuk mengambil langkah-langkah penamatan persetujuan.
- 9.2 CAAM akan mengemukakan Notis Untuk Tujuan Penamatan Kontrak (NUTPK) kepada Pembekal yang berjaya bagi kegagalan pihak Pembekal mengambil tindakan sewajarnya terhadap tuntutan secara bertulis daripada CAAM. Jika Pembekal yang berjaya gagal untuk memulihkan keadaan, maka CAAM akan secara bertulis mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak (NPK). Dengan memberi notis bertulis kepada Pembekal, CAAM boleh terus menamatkan Persetujuan ini.
- 9.3 NUTPK akan dikeluarkan kepada Pembekal, jika Pembekal itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Pembekal itu adalah suatu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika Pembekal itu adalah Pembekal, meluluskan suatu perintah bahawa Pembekal itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurus bagi pihak seseorang pembiutang dilantik atau

jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan.

- 9.4 NUTPK juga akan dikeluarkan kepada Pembekal, jika CAAM mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Pembekal atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Pembekal) melakukan perbuatan rasuh. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak CAAM untuk mendapatkan balik ganti rugi.

10. PELAKSANAAN PROGRAM PROTÉGÉ-READY TO WORK (PROTÉGÉ-RTW) DALAM PEROLEHAN

- 10.1 Syarikat yang berjaya hendaklah melaksanakan program *PROTÉGÉ-RTW* sekiranya nilai perolehan telah mencapai nilai ambang (*threshold value*) yang ditetapkan. Syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program *PROTÉGÉ-RTW*. Pelaksanaan *PROTÉGÉ-RTW* adalah seperti di Pekeling Perbendaharaan PK 1.12 Pelaksanaan Program *PROTÉGÉ-READY TO WORK (PROTÉGÉ-RTW)* Dalam Perolehan Kerajaan.
- 10.2 Pembekal adalah dikehendaki melaksanakan program *PROTÉGÉ-RTW* dalam perolehan Kerajaan mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan sektor seperti berikut:

Bil.	Sektor	Nilai Ambang
1	Pembinaan	RM10 juta
2	Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan/Infrastruktur/Jalan	RM5 juta
3	Teknologi Informasi dan Komunikasi	RM10 juta
4	Perkhidmatan Perundingan	RM5 juta
5	Perubatan dan Farmasi	RM10 juta
6	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	RM10 juta
7	Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	RM10 juta
8	Pengangkutan dan logistik	RM10 juta
9	Pertahanan Strategik	RM10 juta
10	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	RM4 juta
11	Sektor Lain	RM10 juta

1% X Kos keseluruhan projek/perolehan

RM24,000*

* Elaun *PROTÉGÉ-RTW* sebanyak RM2,000 seorang X
12 bulan

- 10.3 Penyebut harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program *PROTÉGÉ-RTW* beserta dengan Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani di mana syarikat bersetuju melaksanakan program *PROTÉGÉ-RTW*. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak Perjanjian.
- 10.4 Sekiranya sesuatu kontrak yang menggunakan Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara melebihi nilai ambang yang ditetapkan, Kontraktor Utama wajib memastikan klausa berkenaan pelaksanaan Program *PROTÉGÉ-RTW* dimasukkan di dalam kontrak dengan Sub-Kontraktor Yang Dinamakan (NSC) dan/atau Kontraktor Domestik. Syarikat adalah diingatkan bahawa kegagalan melaksanakan program *PROTÉGÉ-RTW* boleh menyebabkan syarikat tidak akan dipertimbangkan untuk kontrak baharu atau kontrak semasa tidak akan dilanjutkan.

11. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*

- 11.1 Kesemua Pembekal yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (nama penandatangan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan di Modul Pendaftaran Pembekal Sistem eP) yang mengandungi pengakuan bahawa:
 - a) Pembekal tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
 - b) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.
- 11.2 Sekiranya Pembekal didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
- 11.3 Pembekal yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Kerajaan juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

12. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

12.1 Akta Pencegahan Rasuah 1997

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah akta ini.
- b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Badan Pencegah Rasuah atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan di bawah akta ini.
- c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Syarikat boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah akta ini.
- d) Mana-mana Syarikat yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah akta ini.

13. PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA

- 13.1 Sekiranya didapati pembekal terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatkan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

14. PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHİ UNDANG-UNDANG

- 14.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya [Syarikat/Firma], kakitangan, pengkhidmat atau pekerja disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat/Firma] dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat/Firma] untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.

- 14.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 14.3 Pihak-Pihak bersetuju bahawa [Syarikat/Firma] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu”.

15. **FORCE MAJEURE**

- 15.1 Syarikat dan Pihak Berkuasa adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak, tanpa apa-apa pampasan. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud:
 - a) peperangan (sama ada ia diisyiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
 - b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
 - c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa- apa bencana alam yang, secara munasabahnya, seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga, wabak penyakit;
 - d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
 - e) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa- apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
 - f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
 - g) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.
- 15.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta-merta memaklumkan akan kejadian *Force*

Majeure itu kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.

- 15.3 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabahnya bahawa satu kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.
- 15.4 Syarikat hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum Syarikat dapat melepaskan tanggungjawabnya.
- 15.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggungan terhadap satu sama lain melainkan berkaitan dengan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- 15.6 Bagi mengelakkan apa-apa keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

16. AM

- 16.1 Istilah ‘kontrak’ yang digunakan dan dalam mana-mana bahagian dalam dokumen tawaran adalah bermakna semua dokumen yang dimaksudkan yang mengandungi syarat-syarat penentuan kerja dan semua dokumen- dokumen ini menjadi suatu kontrak dan ianya saling menyokong antara satu dengan yang lain.
- 16.2 Istilah ‘Pihak Berkuasa’ yang digunakan dan dalam mana-mana bahagian dokumen tawaran adalah Pegawai Penyelia atau Pegawai-pegawai yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Penerangan Awam, Malaysia.
- 16.3 Pihak Berkuasa tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa carasekali pun terhadap apa-apa kecederaan yang dialami oleh pekerja- pekerja Syarikat semasa menjalankan tugas di dalam atau di luarkawasan yang telah ditetapkan.
- 16.4 Syarikat hendaklah bertanggungjawab dan memberi pampasan sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa terhadap apa-apa kerosakan kemusnahan atau kehilangan sesuatu akibat dari kelalaian yang berlaku atas kecuaian pekerja semasa menjalankan tugas.
- 16.5 Bahawa sekiranya berbangkit apa-apa pertikaian atau perselisihan

antara kedua-dua pihak yang disebut di sini mengenai perjanjian, maka pertikaian atau perselisihan itu hendaklah diserahkan kepada penimbangtara tunggal yang akan dilantik oleh kedua-dua pihak dan keputusan dan timbangtaranya tertakluk kepada Ordinan Timbangtara1950.

17. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah mengikat ejen-ejen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima pindah hak milik Syarikat.

18. KONTRAK

- 18.1 Pihak Berkuasa akan mengikat suatu kontrak dengan Pembekal yang berjaya dalam sebut harga ini untuk tempoh selama **12 bulan**.
- 18.2 Pembekal yang berjaya adalah diwajibkan mengikat satu Kontrak dengan Pihak Berkuasa dan perlu membayar ganti rugi sekiranya tidak mematuhi Kontrak. Contoh Kontrak adalah seperti di Senarai Semak Teknikal sistem ePerolehan.
- 18.3 Dokumen Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Tarikh kuatkuasa kontrak (*effective date*) adalah pada tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani oleh Pembekal yang Berjaya manakala tarikh kontrak ialah tarikh kontrak ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- 18.4 Pembekal yang berjaya dikehendaki menyediakan dua (2) Dokumen Kontrak Asal serta empat (4) salinan pendua kepada Kontrak Asal. Dokumen-dokumen Kontrak tersebut hendaklah dijilid dan dikembalikan kepada Pihak Berkuasa. Segala perbelanjaan bagi penyediaan Dokumen Kontrak dan juga proses mematikan setem adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pembekal yang berjaya.
- 18.5 Pihak Berkuasa berhak menamatkan kontrak sedia ada walaupun tempoh kontrak belum tamat atas sebab-sebab berikut:
 - a) Pihak Berkuasa tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang tidak berkualiti yang diberikan oleh Pembekal yang berjaya; atau
 - b) Pihak Berkuasa tidak lagi memerlukan perkhidmatan tersebut.

19. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT KONTRAK

- 19.1 Pihak Berkuasa sentiasa berhak mengubah dari semasa ke semasa syarat-syarat yang terkandung dalam Kontrak ini dan mulai daritarih yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa, perkhidmatan yang dikehendaki

itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.

- 19.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan kos bagi perkhidmatan, maka penyesaran harga akan dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

20. PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK

Dalam Tempoh Kontrak masih berkuatkuasa, Pembekal yang berjaya boleh memohon pelanjutan tempoh kontrak secara bertulis dengan menyertakan justifikasi yang kukuh serta dokumen sokongan (jika ada) kepada Pihak Berkuasa. Walau apa pun keadaan, Pihak Berkuasa berhak menolak permohonan pelanjutan tempoh kontrak tersebut dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos yang terlibat (jika ada).

21. MENARIK BALIK TAWARAN

Pembekal tidak boleh menarik balik tawaran sebelum Sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat. Jika Pembekal menarik diri ataumenolak tawaran, nama Pembekal akan di kemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan.

22. KERAHSIAAN

Semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran ini adalah sulit dan tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan lain selain daripada untuk Sebut harga ini sahaja.

23. HAKMILIK

- 23.1 Kesemua *deliverable* dan dokumen yang disediakan akan menjadi **HAK MILIK PIHAK BERKUASA**.
- 23.2 Semua data yang tersimpan dalam sistem yang terbabit daripada dokumen ini adalah menjadi hak milik Pihak Berkuasa sepenuhnya.

24. IKLAN

Tiada sebarang maklumat mengenai Sebut harga ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika iklan tersebut telah dihantar dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa terlebih dahulu.

25. PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

- 25.1 Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

25.2 Syarikat hendaklah arif dengan peraturan Pihak Berkuasa Malaysia yang berkuatkuasa.

25.3 Syarikat hendaklah mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang terpakai di Malaysia.

26. RUNDINGAN (BAGI KADEAH SECARA TENDER TERBUKA)

Pihak Berkuasa boleh mengadakan rundingan dengan pembekal yang telah lulus penilaian teknikal dan kewangan sekiranya ada keperluan bagi perolehan ini berdasarkan syarat yang dinyatakan pada PP/PK2.2 Perenggan 26.

27. NOTIS

27.1 Apa-apa notis, kelulusan, persetujuan, permohonan atau apa-apa komunikasi yang diperlukan atau dibenarkan di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan hendaklah disifatkan telah diserahkan secara sempurna jika diserahkan kepada alamat pihak-pihak seperti yang berikut:

a) Bagi pihak Pihak Berkuasa

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
ARAS 3, BLOK PODIUM A
NO. 27, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62618 PUTRAJAYA

b) Bagi pihak Syarikat

Nama syarikat:

Alamat:

Tel:

Faks:

